

Masalah doktor kerajaan

Sukar beri gaji tinggi: Mahathir

BANGI: Kerajaan tidak dapat membayar gaji lebih tinggi kepada doktor seperti yang ditawarkan di sektor swasta kerana ia bukan cara untuk menyelesaikan penghijrahan mereka ke sektor berkenaan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, keadaan itu akan berpanjangan jika kerajaan menaikkan gaji doktor manakala pada masa yang sama pihak swasta juga menawarkan gaji lebih lumayan kepada doktor-tornya.

"Kita tidak mampu kejar pendapatan doktor swasta. Kalaupun kita naikkan gaji doktor kerajaan, kita juga kena naikkan gaji kakitangan lain yang mengangap mereka juga mempunyai hak mendapatkan gaji lebih tinggi.

"Kita tak mampu untuk bayar gaji yang lebih tinggi sebab pendapatan kerajaan tidak mencukupi untuk menaikkan gaji.

"Kalaupun kita naikkan gaji, kemungkinan pihak swasta akan menaikkan lagi bayaran perkhidmatan mereka. Sekali

lagi, (kita) menghadapi masalah perbezaan yang ketara di antara gaji pegawai kerajaan dan doktor," katanya kepada pemberita selepas Majlis Konvokesyen Ke-19, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini, semalam.

Datuk Seri Dr Mahathir menghadapi majlis berkenaan bagi mengiringi isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, menerima Ijazah Kehormat Doktor Sains Perubatan, sempena konvoksyen itu.

Perdana Menteri berkata, masalah kekurangan doktor yang dihadapi sekarang menyebabkan rakyat sanggup membuat bayaran perkhidmatan tinggi untuk khidmat doktor swasta dan keadaan itu akan menambahkan lagi pendapatan doktor swasta berbanding doktor kerajaan.

Bagi mengatasi masalah itu, katanya, kerajaan akan menambah bilangan doktor, tetapi ramai siswa yang tidak berminat dengan bidang perubatan kerana ia mengambil masa panjang, sebaliknya le-

bih cenderung kepada jurusan yang mudah memperolehi ijazah.

"Dengan keadaan ini, kita mengalami kekurangan tenaga profesional dan salah satu cara mengatasinya ialah mempelawa dan membenarkan tenaga profesional asing berkhidmat dengan kerajaan dan swasta," katanya.

Sehubungan itu, kata Datuk Seri Dr Mahathir, pelajar harus sedia berkorban untuk rakyat dengan menyertai bidang yang masih kekurangan tenaga profesional seperti perubatan.

Menurutnya, kerajaan juga bercadang menubuhkan fakulti perubatan keempat di negara ini bagi memberi tempat kepada mereka yang berminat dalam bidang berkenaan.

Ditanya mengenai cadangan UKM mewujudkan klinik persendirian, Perdana Menteri berkata, kerajaan belum membuat sebarang keputusan. Ia perlu dikaji secara mendalam sama ada ia boleh mengatasi masalah atau tidak.